



Headline	Dasar ketatkan pinjaman perumahan diteruskan
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	18 Jun 2015
Section	Ekonomi
Page No	18
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



## Dasar ketatkan pinjaman perumahan diteruskan

**KUALA LUMPUR 17 Jun** - Kerajaan masih perlu meneruskan polisi yang mengetatkan pemberian pinjaman sebagai langkah berterusan untuk mengawal peningkatan mendadak harga rumah.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong berkata, walaupun pinjaman perumahan merupakan perniagaan penting kepada sektor perbankan, namun ia tidak boleh dibiarkan bebas kerana boleh mendorong kepada kenaikan harga rumah yang menyukarkan pemilikan hartanah oleh rakyat.

Katanya lagi, dalam hal ini Bank Negara Malaysia (BNM) bertanggungjawab untuk menyelaras peraturan berhubung pinjaman perumahan dan percaya keputusan bank pusat bagi menentukan pinjaman perumahan adalah berlandas-

kan pelbagai risiko.

"Risiko tersebut ialah untuk mengelakkan gelembung peningkatan harga rumah dan kemampuan pembeli melangsaikan pinjaman perumahan.

"Meskipun kita perlu menggalakkan pertumbuhan industri hartanah kerana ia membawa kesan berantai yang positif, pada masa sama kerajaan juga perlu memastikan peningkatan harga rumah ini selari dengan peningkatan pendapatan rakyat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia Ke-19 di sini hari ini.

Laporan Pasaran Harta 2014 yang dikeluarkan kerajaan pada April lalu mendapati, rumah di negara ini sehingga 2014 secara purata berharga RM295,345 sebuah, meningkat hampir RM30,000 ber-

banding harga purata 2013 iaitu RM266,304 sebuah dan meningkat hampir RM100,000 sejak 2010.

Kerajaan dan BNM sejak 2012 mula memperkenalkan pelbagai peraturan seperti Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT), kelulusan pemberian pinjaman perumahan yang ketat berdasarkan gaji bersih serta harga rumah minimum RM1 juta kepada warga asing.